

Nilai hartanah berbeza

Kerajaan negeri boleh tentukan harga jualan hartanah kepada warga asing

MOHD ISKANDAR OTHMAN

GEORGETOWN

Tidak menjadi masalah sekiranya kerajaan negeri mahu menentukan harga penjualan rumah kepada warga asing yang bergantung kepada keperluan dan kesesuaian negeri masing-masing tanpa perlu mengikut harga minimum seperti yang diumumkan pada Belanjawan 2020.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin berkata, ia berikutan nilai hartanah di setiap negeri yang berbeza, selain ia boleh diselaraskan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri sebelum ini.

"Walaupun harga minimum yang diumumkan pada kadar RM600,000 ke atas, namun kadar itu masih bergantung kepada garis panduan yang ditetapkan di setiap negeri kerana harga

ambang di setiap negeri adalah berbeza.

"Mereka boleh mengkaji apakah ratio yang terbaik di negeri mereka, contohnya hartanah di Pulau Pinang dan Perlis, kedua-duanya macam langit dan bumi. Itu perkara yang perlu diperhalusi dan diteliti oleh setiap negeri," katanya pada sidang akhbar selepas



Zuraida pada sidang akhbar selepas merasmikan Konvensyen Pemeraksanaan PBT 2019 di Georgetown semalam.

merasmikan Konvensyen Pemeraksanaan PBT 2019 di sini semalam.

Hadir sama, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Pe-

rancangan Bandar dan Desa Pulau Pinang, Jagdeep Singh Deo.

Pada pembentangan Belanjawan 2020, Jumaat lalu, Menteri

Kewangan, Lim Guan Eng berkata, kerajaan akan menurunkan nilai ambang bagi kondominium dan pangsapuri di kawasan bandar daripada RM1 juta kepada RM600,000 untuk pembelian asing.

Langkah itu dilaksanakan bagi mengurangkan lambakan kondominium dan pangsapuri yang tidak terjual.

Sementara itu, Jagdeep berkata, kerajaan Pulau Pinang mempunyai garis panduan untuk pembelian rumah kepada warga asing iaitu RM3 juta di atas tanah dan RM1 juta untuk kondominium.

"Perkara ini akan dibincangkan dalam mesyuarat Exco yang akan diadakan Jumaat ini bagi meneliti semula cadangan kerajaan negeri yang menurunkan had sehingga RM600,000 kepada pembeli warga asing," katanya.

Cadang tempoh ahli majlis PBT satu penggal

GEORGETOWN - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bercadang untuk memanjangkan tempoh perkhidmatan ahli majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) sama seperti tempoh perkhidmatan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan ahli Parlimen.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin berkata, cadangan itu akan memastikan peranan dan perkhidmatan ahli majlis dapat dirasai oleh masyarakat, sekali gus memantapkan lagi organisasi PBT di seluruh Malaysia.

"Kalau tempoh perkhidmatan dibuat atas dasar kontrak setahun atau dua tahun dan bertukar, ia tidak akan dapat memastikan atau menjamin bahawa pengetahuan dan ilmu serta pengalaman yang mereka dapat, digunakan sebaiknya.

"PBT tidak sempat menaikkan lagi kualiti perkhidmatan kepada penduduk kalau kita terus bertukar ahli majlis," katanya kepada media selepas merasmikan Konvensyen Pemeraksanaan PBT 2019 di sini semalam.